



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Pesara tentera laut rugi RM17,200 angkara Scam
Publication/Portal: Utusan Sarawak
Date: 4 November 2018

Language: Malay
Section: Berita Perdana
Page: 2

Pesara tentera laut rugi RM17,200 angkara Scam

FENNY SILONG

KUCHING: Seorang pesara tentera laut dari Sibu mengalami kerugian RM17,200 apabila menjadi mangsa terkini Parcel Scam semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Polis Sarawak, Supt. Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, mangsa yang berusia 42 tahun itu menerima satu mesej dari laman sosial Facebook dengan memperkenalkan diri sebagai Pegawai Marin bernama Sandra Samantha Castro dan memberitahu hendak mengirim hadiah.

"Mangsa kemudiannya menerima panggilan telefon dari

seorang lelaki dengan memperkenalkan diri sebagai wakil Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan memberitahu diplomat Syria bernama Gonzales Brown Gabriel tiba di KLIA membawa barang kiriman kepada mangsa.

"Mangsa tidak pasti jenis barang yang hendak dikirimkan kepadanya dan wakil JKDM tersebut memberikan nombor akaun 168603057922 supaya memasukkan wang tunai melalui Maybank," katanya menerusi satu kenyataan media di sini.

Menurut Gani, terpedaya, mangsa melakukan transaksi sebanyak enam kali dalam tempoh dua hari (1 dan 2 November) ke nombor akaun 168603057922

seperti yang diarahkan lelaki itu. Beliau juga berkata, seorang wanita berusia 54 tahun menjadi mangsa kedua Parcel Scam dengan jumlah kerugian RM3,400 dalam kejadian berlaku di Miri lewat bulan lalu.

"Mangsa menerima pesanan melalui aplikasi WhatsApp daripada teman lelakinya bernama Freddie Pahala yang kini berada di Scotland dan memberitahu ada menghantar sekotak hadiah serta wang tunai menggunakan syarikat penghantaran Virgin Atlantic Express (Tracking No: W4646999k).

"Keesokkannya mangsa menerima panggilan telefon daripada individu bernama Suraya di talian 01112261128 memperkenalkan diri sebagai wakil syarikat penghantaran berke-

naan memaklumkan barang milik mangsa yang dihantar oleh teman lelaki beliau telah sampai di Pusat Penghantaran Kuala Lumpur dan mangsa diminta membuat pembayaran sebanyak RM3,400 bagi tujuan penghantaran seterusnya," jelasnya.

Kata Gani, terpedaya, mangsa memasukan sejumlah wang tersebut atas nama Omar Baki dengan nombor akaun CIMB 70-6610414-5.

"Kita juga menerima satu lagi laporan berkenaan dengan Parcel Scam di Sri Aman namun mangsa berjaya mengelakkan diri dari ditipu.

"Kita turut menerima lima laporan berhubung dengan Macau Scam tetapi kesemua mangsa berjaya mengelak diri daripada ditipu," ujarnya.